

Awareness Level of Government Administration Staff on Safety and Health Aspect in the Workplace

Mohd Zulfadli Mat Husin*

Mohamad Najmi Masri **

Darlina Mohamad***

Azmul Fadhli Kamaruzaman****

zulfadli.mh@umk.edu.my*, najmi.m@umk.edu.my**, darlana.m@umk.edu.my***,
azmul@umk.edu.my****

ABSTRACT

The level of awareness for public sector employees regarding aspects of safety and health in the workplace is generally increased with the introduction and enforcement of the Occupational Safety and Health Act (OSHA) 1994. The importance of increasing employees' level of awareness is a priority for employers to avoid accidents at work. By examining the level of staff awareness of aspects of safety and health in the workplace, employers can plan appropriate improvement measures. A study on the safety and health awareness level in the workplace was conducted among civil servant staff in one of the departments at the Public University in Kelantan. The research method uses a quantitative approach, that is, by using a survey form. The study's results found that the female staff from the Implementation staff and the longest serving showed a high level of awareness about aspects of safety and health in the workplace. Overall, the level of awareness about safety and health in the workplace of the scope of this study is very high. The results of this study are very significant for employers in their efforts to maintain a safe and healthy culture in the workplace.

Keywords: occupational safety and health, healthy work culture, safe, awareness, public employees

Submitted: 08 July 2024

Revised: 1 August 2024

Published: 30 September 2024

* Senior Assistant Registrar at Deputy Vice Chancellor's Academic Office, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia.

** Associate Professor at Faculty of Bioengineering and Technology, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia.

*** Senior Lecturer at Faculty of Creative Technology and Heritage, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia.

*** Director of Centre for Management of Environment, Occupational Safety and Health, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia.

**** Senior Lecturer at Faculty of Creative Technology and Heritage, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia.



Tahap Kesedaran Staf Terhadap Aspek Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja

Mohd Zulfadli Mat Husin*

Mohamad Najmi Masri **

Darlina Mohamad***

Azmul Fadhli Kamaruzaman****

zulfadli.mh@umk.edu.my*, najmi.m@umk.edu.my**, darlina.m@umk.edu.my***,
azmul@umk.edu.my****

ABSTRAK

Tahap kesedaran bagi kakitangan sektor awam mengenai aspek keselamatan dan kesihatan di tempat kerja secara umumnya semakin meningkat dengan pengenalan dan penguatkuasaan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 1994. Kepentingan mengenai keperluan bagi meningkatkan tahap kesedaran kepada kakitangan adalah menjadi keutamaan kepada majikan bagi mengelakkan berlaku kemalangan di tempat kerja. Dengan mengkaji tahap kesedaran kakitangan terhadap aspek keselamatan dan kesihatan di tempat kerja, majikan dapat merencana langkah-langkah penambahbaikan yang bersesuaian. Kajian mengenai tahap kesedaran keselamatan dan kesihatan di tempat kerja ini diadakan kepada staf penjawat awam di salah satu Jabatan di Universiti Awam di Kelantan. Kaedah penyelidikan adalah menggunakan pendekatan kuantitatif iaitu dengan penggunaan borang kaji selidik. Keputusan dari kajian mendapati staf perempuan daripada staf Pelaksana dan paling lama berkhidmat menunjukkan tahap kesedaran tinggi mengenai aspek keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Secara keseluruhannya, tahap kesedaran mengenai keselamatan dan kesihatan di tempat kerja skop kajian ini adalah sangat tinggi. Hasil dapatan kajian ini adalah sangat signifikan kepada majikan dalam usaha mengekalkan budaya selamat dan sihat di tempat kerja.

Kata Kunci: budaya kerja sihat, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, selamat, kesedaran, kakitangan awam.

Dihantar: 08 Julai 2024

Disemak: 01 Ogos 2024

Diterbit: 30 September 2024

- * Penolong Pendaftar Kanan di Pejabat Timbalan Naib Canselor Akademik, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia.
- ** Professor Madya di Fakulti Biokejuruteraan dan Teknologi, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia.
- *** Pensyarah Kanan di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia.
- *** Pengarah Pusat Pengurusan Persekitaran Keselamatan dan Kesihatan Pekerja, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia.
- **** Pensyarah Kanan di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia.



1.0 Pengenalan

Di Malaysia, selaras dengan termaktubnya Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 1994 Malaysia yang mana menyatakan kewajipan majikan untuk menekankan kepentingan aspek KKP dalam organisasi syarikat dengan pemantauan oleh Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan (JKKP) (Mohd Nor, 2020). Dalam sektor awam, keberhasilan utama adalah kualiti perkhidmatan dan penyampaian kepada pelanggan dan rakyat merentasi pelbagai bidang. Namun begitu, setiap aktiviti kerja yang dijalankan, terdapat bahaya dan risiko yang perlu diberikan perhatian.

Salah satu punca utama kemalangan yang berlaku di tempat kerja adalah disebabkan majikan tidak mengamalkan kesedaran mengenai standard prosedur keselamatan di tempat kerja sehingga mengakibatkan majikan perlu menanggung kos berkaitan rawatan kepada kakitangan yang mengalami kemalangan (Mohd Nor, 2020). Menyedari mengenai kepentingan tahap kesedaran staf berkenaan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti tahap kesedaran staf terhadap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

2.0 Metodologi

Kajian ini dilakukan terhadap satu jabatan di salah satu Universiti awam di Pantai Timur. Kesemua 56 responden yang terlibat adalah terdiri daripada staf pentadbiran dan akademik dibawah jabatan Pejabat Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa (PTNCAA). Penentuan jumlah responden seramai 56 orang dalam kajian ini adalah berasaskan beberapa justifikasi yang relevan dengan konteks kajian. Jumlah ini mungkin mencerminkan keseluruhan populasi atau majoriti besar staf pentadbiran dan akademik di bawah Pejabat Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa (PTNCAA), yang membolehkan kajian ini memberikan gambaran yang menyeluruh dan representatif. Selain itu, bilangan ini juga dianggap mencukupi untuk memenuhi keperluan statistik dan mencapai objektif kajian, seperti memastikan keabsahan hasil dan kesimpulan yang boleh digeneralisasikan dalam konteks jabatan tersebut. Faktor keterbatasan sumber seperti masa dan bajet juga mungkin memainkan peranan dalam menentukan saiz sampel ini. Keseluruhannya, jumlah 56 responden adalah wajar dan memadai untuk mendapatkan hasil kajian yang sahih dan relevan. Metodologi pengumpulan data adalah melalui edaran kaji selidik dimana borang dibangunkan dengan merujuk item-item daripada kajian yang terdahulu (Eamizan & Mohamed, 2018; Hashim, 2013; Mohd Shaain et al., 2015). Kaji selidik ini mengandungi 35 item bagi mengukur tahap kesedaran staf terhadap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja serta menggunakan skala 5 likert. Skala likert merupakan antara kaedah pengumpulan data yang paling umum digunakan dalam pelbagai bidang (Pescaroli et al. 2020). Edaran borang kaji selidik adalah secara atas talian iaitu menggunakan platform *Google Form* dan hebahan kepada staf menerusi emel serta *Whatapps*. Tempoh masa yang diberikan kepada semua staf untuk mengisi borang kaji selidik adalah selama satu minggu.

Proses analisis data adalah menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS). Data yang diperolehi daripada borang kaji selidik ini telah dianalisis



menggunakan kaedah deskriptif seperti peratusan dan purata min serta analisis inferensi iaitu ujian kolerasi Spearman.

3.0 Keputusan dan Perbincangan

Seramai 46 responden berjaya memberi maklumbalas yang lengkap dalam borang kaji selidik yang telah diedarkan iaitu sebanyak 82% respon terkumpul. Berdasarkan kepada Jadual 1 iaitu analisis demografi, seramai 10 responden staf Akademik telah mengambil bahagian dalam kaji selidik ini manakala 15 responden staf Pentadbiran (Pengurusan dan Professional) dan 21 responden staf Pentadbiran (Pelaksana). Pecahan mengikut jantina pula, seramai 15 responden staf lelaki dan 31 responden staf perempuan mengambil bahagian dalam kaji selidik ini. Staf berumur 31 hingga 40 tahun adalah paling ramai mengambil bahagian dalam kaji selidik ini dengan 63 peratus diikuti oleh 21.7 peratus staf berumur 41 hingga 50 tahun dan paling sedikit adalah staf berumur 20 hingga 30 tahun iaitu 15.2 peratus. Bagi profil tahun berkhidmat, staf yang telah berkhidmat 11 hingga 15 tahun seramai 15 responden, diikuti dengan 14 responden telah berkhidmat selama 6 hingga 10 tahun dan 13 responden staf berkhidmat kurang daripada 5 tahun dan ke bawah. Staf Bahagian PPA iaitu Pusat Pengurusan Akademik adalah paling ramai mengambil bahagian dalam kaji selidik ini sebanyak 47.8 peratus. Manakala 6 responden adalah staf BSP iaitu Bahagian Strategik dan Pentadbiran serta 14 responden staf PKPA (Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Akademik) menjawab kaji selidik ini manakala staf UMKI iaitu Bahagian Pusat Antarabangsa hanya seramai 4 responden.


Jadual 1: Analisis Demografi

No	Profil	Kategori	Peratusan
1	Jawatan	Staf Akademik	21.7
		Staf Pentadbiran (Pengurusan dan Professional)	32.6
		Staf Pentadbiran (Pelaksana)	45.7
2	Jantina	Lelaki	32.6
		Perempuan	67.4
3	Umur	20 – 30 Tahun	15.2
		31 – 40 Tahun	63.0
		41 – 50 Tahun	21.7
4	Tahun Berkhidmat	5 tahun ke bawah	28.3
		6 – 10 tahun	30.4
		11 – 15 tahun	32.6
		16 tahun dan ke atas	8.7
5	Bahagian	BSP	13.0
		PPA	47.8
		PKPA	30.4
		UMKI	8.7

Rajah 1 menunjukkan tahap kesedaran responden terhadap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja mengikut jawatan. Responden daripada Staf Pentadbiran (Pelaksana) mempunyai tahap kesedaran yang tinggi apabila mencatatkan min skor keseluruhan 4.86. Sementara itu, responden daripada Staf Akademik dan staf Pentadbiran (Pengurusan dan Profesional) mencatatkan min skor 4.80. Analisis data menunjukkan terdapat perbezaan min skor antara responden lelaki dan perempuan dengan responden perempuan mempunyai tahap kesedaran yang lebih tinggi dengan min skor keseluruhan 4.87 berbanding responden lelaki dengan min skor 4.73. Bagi tahap kesedaran keseluruhan responden terhadap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja mengikut



bagian menunjukkan responden daripada BSP mempunyai tahap kesedaran tinggi apabila mencatatkan min skor keseluruhan 5.00. Sementara itu, responden daripada UMKI mencatatkan tahap kesedaran terendah apabila mencatatkan min skor keseluruhan hanya 4.50. Selain itu bagi tahap kesedaran responden terhadap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja mengikut umur menunjukkan responden berumur 20 hingga 30 tahun dan 41 hingga 50 tahun mencatatkan tahap kesedaran yang tinggi dengan mencatatkan min skor keseluruhan 5.00. Sementara itu, responden berumur 31 hingga 40 tahun mencatatkan tahap kesedaran terendah dengan min skor keseluruhan 4.72. Manakala tahap kesedaran responden terhadap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja mengikut tempoh perkhidmatan menunjukkan responden yang berkhidmat 16 tahun dan ke atas menunjukkan tahap kesedaran tertinggi dengan min skor keseluruhan 5.00. Responden yang berkhidmat 6 hingga 10 tahun dan ke atas menunjukkan tahap kesedaran terendah dengan mencatatkan min skor keseluruhan 4.71.



Rajah 1: Analisis Deskriptif Tahap Kesedaran Responden

Merujuk kepada analisis data dari Rajah 1, tahap kesedaran staf PTNCAA terhadap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja adalah sangat tinggi. Dapatan kajian ini adalah selari dengan kajian yang dijalankan oleh Arifin et al. (2021) Kajian tersebut menunjukkan kakitangan awam di Putrajaya menunjukkan tahap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja yang sangat tinggi. Antara faktor penyumbang utama kepada tahap kesedaran tinggi kepada staf PTNCAA adalah pembudayaan tahap kesedaran mengenai keselamatan dan kesihatan di tempat kerja telah bermula sejak 2014 dengan penubuhan Pusat Pengurusan Kesihatan Keselamatan Pekerjaan UMK. Pusat tersebut



telah merencana penguatkuasaan polisi berkaitan keselamatan dan kesihatan tempat kerja serta penganjuran pelbagai latihan berkaitan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja kepada semua staf UMK termasuk staf PTNCAA.

Dalam menganalisa tahap kesedaran staf PTNCAA berkaitan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja mengikut jantina, responden perempuan menunjukkan tahap kesedaran yang lebih tinggi berbanding responden lelaki. Dapatan ini adalah berbeza dengan dapatan daripada kajian Arifin et al. (2021) yang telah menunjukkan responden lelaki mempunyai tahap kesedaran yang lebih tinggi daripada perempuan. Penjelasan yang boleh disimpulkan daripada dapatan ini adalah responden perempuan mempunyai tahap kesedaran berkaitan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja yang lebih tinggi berkait dengan penglibatan responden perempuan dalam siri-siri latihan yang berkaitan keselamatan dan kesihatan berdasarkan Rajah 1 di atas. Menerusi latihan tersebut, responden perempuan dapat mendalami pengetahuan dan kemahiran mengenai isu-isu keselamatan dan kesihatan di tempat kerja dengan lebih komprehensif seterusnya meningkatkan tahap kesedaran mereka.

Penilaian perbezaan tahap kesedaran staf PTNCAA mengikut umur, dapatan kajian mendapati staf berumur 20 hingga 30 tahun dan 41 hingga 50 tahun menunjukkan tahap kesedaran tertinggi. Analisis data mendapati tahap kesedaran semakin meningkat dengan umur responden meningkat. Hasil dapatan ini berbeza dengan kajian oleh Arifin et al. (2021) yang menunjukkan kakitangan awam yang berumur 18 hingga 29 tahun menunjukkan kadar tahap kesedaran berkaitan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja yang rendah. Dapatan kajian ini mengukuhkan lagi dapatan kajian terdahulu yang merumuskan terdapat perbezaan bagi tahap kesedaran keselamatan dan kesihatan di tempat kerja di antara pekerja yang muda dan yang berumur (Anuar I. et al., 2009).

Selain itu, bagi analisis tahap kesedaran staf mengikut jawatan, hasil kajian mendapati staf Pentadbiran (Pelaksana) PTNCAA menunjukkan tahap kesedaran paling tinggi berbanding staf Akademik dan staf Pentadbiran (Pengurusan dan Profesional). Dapatan ini adalah selari dengan kajian Anuar I. et al. (2009) yang menyatakan terdapat perbezaan terhadap kesedaran keselamatan dan kesihatan mengikut jawatan responden di sektor awam. Namun, dapatan kajian ini adalah berbeza dengan kajian Arifin et al. (2021) yang mendapati responden daripada kumpulan Pengurusan dan Profesional mempunyai tahap kesedaran yang tinggi terhadap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Penemuan ini boleh dijelaskan melalui perbezaan tanggungjawab dan beban kerja antara kumpulan-kumpulan ini. Staf Pentadbiran (Pelaksana) mungkin lebih sering terdedah kepada risiko-risiko di tempat kerja yang berkaitan dengan operasi harian, berbanding dengan kumpulan Pengurusan dan Profesional yang lebih fokus kepada perancangan dan penyeliaan. Ini boleh menyebabkan staf Pelaksana lebih peka terhadap isu keselamatan dan kesihatan sebagai sebahagian daripada langkah untuk melindungi diri mereka sendiri dalam situasi kerja yang mungkin lebih berbahaya. Selain itu, kemungkinan terdapat program latihan keselamatan dan kesihatan yang lebih kerap dan tertumpu kepada kumpulan Pelaksana, yang meningkatkan tahap kesedaran mereka. Tambahan pula, dapatan ini mencadangkan perlunya pendekatan yang lebih khusus dalam merangka program keselamatan dan kesihatan, di mana penekanan harus diberikan kepada keperluan dan konteks kerja setiap kumpulan jawatan. Ini termasuk memastikan bahawa setiap kumpulan pekerja menerima maklumat dan latihan yang relevan dengan persekitaran kerja mereka, bagi memastikan kesedaran yang tinggi di semua peringkat organisasi.



Bagi kategori tempoh perkhidmatan, tahap kesedaran responden yang berkhidmat 16 tahun dan ke atas adalah paling tinggi berbanding responden yang lebih singkat berkhidmat. Tambahan lagi, responden yang paling singkat berkhidmat iaitu kurang daripada 5 tahun turut mencatatkan tahap kesedaran yang tinggi. Penjelasan kepada dapatan ini adalah staf PTNCAA yang lebih lama berkhidmat di UMK telah menjalani pelbagai latihan berkaitan keselamatan dan kesihatan di tempat bekerja dan mereka lebih memahami kepentingan isu-isu yang berkaitan. Hasil kajian ini konsisten dengan dapatan dua kajian (Amirul Shazli et al., 2019; Arifin et al., 2021) yang mendapati tahap kesedaran berkaitan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja adalah berbeza mengikut pengalaman bekerja bagi sektor awam dan swasta.

Selain daripada analisis deskriptif, analisis inferensi juga dilakukan pada data bagi mendapatkan maklumat terperinci terhadap hubungan diantara setiap parameter terlibat. Analisis kenormalan adalah menggunakan Ujian Shapiro-Wilk bagi kerana sampel saiz rendah dibawah 50 (n=46). Keputusan ujian pada Jadual 2 menunjukkan nilai p adalah kurang daripada 0.05 dimana ini menunjukkan data bertabur secara tidak normal.

Jadual 2: Analisis Kenormalan

	Jantina	Kolmogorov-Smirnov ^a			Shapiro-Wilk		
		Statistic	df	Sig.	Statistic	df	Sig.
Tahap Kesedaran Keseluruhan	Lelaki	.453	15	.000	.561	15	.000
	Perempuan	.518	31	.000	.397	31	.000

a. Lilliefors Significance Correction

Oleh kerana data taburan adalah tidak normal, analisis korelasi Spearman dilakukan untuk melihat hubungkait antara Umur, Kesedaran KKP secara keseluruhan dan Tempoh perkhidmatan.

Jadual 3: Analisis Korelasi Spearman Bagi Umur dan Tempoh Perkhidmatan Responden

		Umur	Tahap Kesedaran Keseluruhan	Tempoh Perkhidmatan
Umur	Spearman Correlation	1.000	-.0150	0.538**
	Sig. (2-tailed)	.	.919	<.001
	N	46	46	46
Tahap Kesedaran Keseluruhan	Spearman Correlation	-.015	1	-.052
	Sig. (2-tailed)	.919	-	.729
	N	46	46	46
Tempoh Perkhidmatan	Spearman Correlation	-.538**	-.052	1
	Sig. (2-tailed)	<.001	.729	.
	N	46	46	46

** . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Berdasarkan analisis korelasi Spearman yang telah dijalankan, dapatan menunjukkan beberapa hubungan penting antara tahap kesedaran berkenaan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja dengan umur dan tempoh perkhidmatan responden seperti



yang terdapat dalam Jadual 3.

Jadual 3 juga menunjukkan analisis korelasi Spearman antara umur, tahap kesedaran KKP secara keseluruhan, dan tempoh perkhidmatan responden. Dapatan menunjukkan korelasi yang signifikan antara umur dan tempoh perkhidmatan (-0.538, $p < 0.01$) yang menunjukkan bahawa kadar retensi pekerja adalah rendah, sementara korelasi antara umur dan tahap kesedaran keseluruhan (-0.015) serta antara tahap kesedaran keseluruhan dan tempoh perkhidmatan (-0.052) tidak signifikan. Ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang kuat antara umur dan tempoh perkhidmatan responden, tetapi tidak ada hubungan yang signifikan antara umur atau tahap kesedaran keseluruhan dengan tahap perkhidmatan.

Walaupun analisis menunjukkan bahawa tidak terdapat korelasi yang kuat antara tahap kesedaran keseluruhan dan faktor-faktor seperti umur atau tempoh perkhidmatan dalam konteks Keselamatan, Kesihatan, dan Kesejahteraan Pekerjaan (KKP), adalah penting untuk diingat bahawa kesedaran terhadap KKP adalah aspek yang kritikal dalam memastikan persekitaran kerja yang selamat dan produktif bagi semua pekerja. Keperluan akan kesedaran terhadap KKP tetap penting untuk menggalakkan sikap proaktif terhadap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Aktiviti serta latihan kesedaran KKP dapat memberikan pengetahuan dan kemahiran kepada pekerja untuk mengenal pasti, mengurangkan, dan mengelakkan risiko-risiko keselamatan dan kesihatan yang mungkin timbul.

Memperluaskan sampel kajian adalah satu pendekatan yang sering dipertimbangkan dalam analisis statistik untuk meningkatkan kebolehpercayaan dan kebolehgeneralisasian hasil. Dalam konteks kajian mengenai kesedaran KKP, menggunakan sampel yang lebih besar dapat memberikan manfaat-manfaat yang signifikan. Pertama, menggunakan sampel yang lebih besar dapat meningkatkan kebolehpercayaan analisis. Dengan jumlah responden yang lebih banyak, kita dapat memastikan bahawa hasil kajian adalah lebih tepat mewakili populasi secara keseluruhan. Ini membantu mengurangkan risiko kesilapan akibat variasi kecil dalam sampel. Kedua, sampel yang lebih besar dapat memberikan kesahan statistik yang lebih tinggi. Korelasi atau hubungan antara pembolehubah mungkin lebih jelas dengan sampel yang lebih besar, membantu memastikan bahawa hasil yang ditemui adalah lebih daripada kebetulan atau variasi semata-mata. Dengan data yang lebih banyak, kita juga dapat melakukan analisis yang lebih komprehensif, termasuk ujian tambahan untuk mengesahkan hasil yang diperoleh. Ini membawa kepada kekuatan statistik yang lebih besar, membolehkan kita mengesan perbezaan atau hubungan yang lebih kecil dengan kebolehpercayaan yang tinggi (Aggarwal & Ranganathan, 2016).

Oleh itu, memperluaskan sampel kajian atau menggunakan data berbentuk kualitatif adalah langkah yang berpotensi memberi manfaat dalam memperkuat dan mengesahkan hasil kajian mengenai kesedaran KKP di kalangan pekerja.

4.0 Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, staf PTNCAA mempunyai tahap kesedaran yang tinggi berkaitan aspek keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Staf Perempuan, lebih lama berkhidmat dan dalam kategori staf Pentadbiran (Pelaksana) mempunyai tahap kesedaran yang tinggi berbanding kategori yang sebaliknya. Ini membuktikan langkah



pembudayaan berkenaan tahap kesedaran keselamatan dan kesihatan di tempat kerja secara amnya di UMK telah mencapai objektifnya dan boleh dipertingkatkan lagi. Antara faktor penyumbang yang boleh dipertingkatkan lagi adalah pelaksanaan lebih banyak latihan berkaitan aspek keselamatan dan kesihatan di tempat kerja dalam usaha meningkatkan lagi tahap kesedaran terutamanya kepada staf lelaki, dalam kategori staf akademik dan baru berkhidmat di UMK. Untuk kajian masa hadapan, kajian yang lebih meluas kepada sampel populasi yang lebih ramai wajar dilaksanakan untuk mengetahui dengan lebih komprehensif mengenai tahap kesedaran berkaitan aspek keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Kaedah kajian ini hanyalah berbentuk kuantitatif dan untuk masa akan datang, pendekatan secara kualitatif perlu dilaksanakan untuk mendapatkan data yang lebih tepat bagi mendapatkan hasil kajian yang lebih mendalam seperti yang dicadangkan pada bahagian sebelum ini.

Rujukan

- Abdul Rani, M. F. (2016). *Tahap kesedaran pekerja pembinaan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan: Kajian di tapak pembinaan SA2 Logistic Hub* [Universiti Utara Malaysia]. <http://etd.uum.edu.my/id/eprint/6436>
- Aggarwal, R., & Ranganathan, P. (2016). Common pitfalls in statistical analysis: The use of correlation techniques. *Perspectives in clinical research*, 7(4), 187-190.
- Amirul Shazli, S., Arifin, K., Aiyub, K., Nik Mansor, N. R., Juhari, M. L., & Derahim, N. (2019). Sustainability of Financial Management in Occupational Safety and Health Management at Small and Medium Enterprise (SME) in Food and Beverage Sector. *Asian Journal of Environment*, 3(2), 121–133.
- Anuar I., Zahedi F, Kadir A, & Mokhtar AB. (2009). Occupational Safety And Health Risk Perception Among Medical Laboratory Workers In Klang Valley. *Journal of Community Health*, 15(2), 77–82.
- Arifin, K., Wan Isa, W. M. Z., Haji Zaini, Z.-A., & Sahimi, A. S. (2021). Tahap Kesedaran Kakitangan Awam Terhadap Aspek Keselamatan Dan Kesihatan Di Tempat Kerja. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 18(2), 1823–1884.
- Eamizan, M. M., & Mohamed, R. (2018). Faktor-faktor yang mempengaruhi tahap Kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan di syarikat DENSO Malaysia. *Proceeding of the 5th International Conference on Management and Muamalah, ICoMM(2018)*, 2122.
- George, D., & Mallery, P. (2003). *SPSS for Windows step by step : a simple guide and reference 11.0 update*. Allyn and Bacon.
- Hashim, H. A. (2013). *Kajian Kes Berkenaan Tahap Kesedaran Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Kkp) Terhadap Bahaya Forklift Di Kalangan Pemandu Forklift Sektor Pembuatan Di Negeri Selangor* (Vol. 1, Issue 1). http://etd.uum.edu.my/4980/2/s809222_abstract.pdf
- Mohd Nor, M. M. (2020). *Faktor yang mempengaruhi Kesedaran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dalam Unit Penyeliaan Penolong Pegawai Perubatan, Pejabat Kesihatan Daerah Batu Pahat*. Universiti Utara Malaysia.



- Mohd Shaain, S. N., Abu Bakar, N. R., & Hashim, A. (2015). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kesedaran Pekerja Terhadap Amalan Keselamatan Pekerjaan:Kajian Kes Di Sebuah Syarikat Logistik. *2nd International Conference Management and Muamalah 2015*, 2015(November), 210–220.
- Pescaroli, G., Velazquez, O., Alcántara-Ayala, I., Galasso, C., Kostkova, P., & Alexander, D. (2020). A Likert scale-based model for benchmarking operational capacity, organizational resilience, and disaster risk reduction. *International Journal of Disaster Risk Science*, 11, 404-409.
- Rosmah Mohamed, Muhammad Amirul Fauzan Juhari, Rogis Baker, & Amer Fawwaz Mohamad Yasid. (2018). Hubungan antara Sikap dan Latihan dengan Tahap Kesedaran Keselamatan dan Kesehatan Pekerjaan di Pusat Perubatan Swasta Malaysia. *Proceeding of the 5th International Conference on Management and Muamalah 2018 (ICoMM 2018)*, 2018 (January 2019), 207–219.

